

18 JUL 1997

MOGGIE SAKSI TANDATANGAN MOU BAGI PROJEK PERDAGANGAN DI NAMIBIA

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang kini berada di Namibia untuk lawatan kerja dua hari telah menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Masscorp Consortium dari Malaysia dengan Majlis Perbandaran Windhoek, Namibia, bagi pembangunan projek perdagangan di pusat bandar itu.

Cadangan pembangunan tapak seluas 2.2 hektar itu dihasilkan berikutan lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu pada tahun 1995.

Menurut kenyataan kementerian itu hari ini, Masscorp Consortium terdiri daripada Syarikat South-South Malaysia Bhd, IJM Corporation Bhd, Bina Puri Holdings Bhd dan Malaysia Consortium Ventures (Overseas) Sdn. Bhd.

Kerja-kerja pembinaan bagi projek itu dijangka dimulakan sebelum akhir tahun ini.

Leo Moggie ketika berucap pada majlis berkenaan berharap pembangunan projek bernilai N\$360 juta itu dapat meningkatkan pembangunan ekonomi Namibia khususnya dalam industri pelancongan, selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk negara itu.

Pada majlis itu, Masscorp Corporation telah menyerahkan cek berjumlah N\$2 juta sebagai bayaran pertama bagi pembelian tapak projek itu.

Dalam lawatan yang akan berakhir esok, Leo Moggie juga akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Republik Congo Laurent Kabila dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Namibia mengenai pembentukan hubungan kerjasama tiga hala di antara Malaysia, Namibia dan Republik Congo.

--BERNAMA

NZ RON